



Penyelidik UMP bawa pulang 10 pingat dalam MTE



Penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus diiktiraf apabila berjaya merangkul satu pingat emas, dua perak dan tujuh pingat gangsa dalam Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 18 hingga 19 Februari 2011 yang lalu.

Penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Dr. Ahmad N. Abd Alla memenangi pingat emas menerusi produk penyelidikannya bertajuk `A Cellular Energy Management System for Monitoring and Controlling Based on Time Of Power Consumption'.

Kajian ini menarik perhatian juri apabila penyelidik menemui kaedah mengetahui bacaan meter elektrik dalam masa yang singkat iaitu kurang daripada satu jam menggunakan meter pintar (*smart meter*).

Menurut Dr. Ahmad, sistem ini menjimatkan dan pengguna tidak perlu menukar meter yang sedia ada dipasang di premis bangunan ataupun rumah, malah alat ciptaannya yang penuh inovasi ini boleh menghitung bacaan meter dan pengguna boleh mendapatkan penggunaan elektrik semasa yang dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

Katanya, alat ini boleh dipasang secara digital atau analog dan mesra pengguna berbanding yang terdapat di pasaran sama ada di dalam atau luar

negara.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Hayder Abdul Bari membawa pulang pingat perak menerusi projek penyelidikannya bertajuk `Novel Mechanical Technique To Improve The Flow In Pipelines' (*UMP Octopus*).

Selain beliau, Dr. Arun Gupta juga menerima pingat perak dengan tajuk penyelidikan `Innovative Technique To Extract Keratin Protein from chicken feather'.

Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan, Pensyarah FKKSA, Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Kumaran Kadrigama masing-masing membawa pulang pingat gangsa.

Turut menerima pingat gangsa, Pensyarah FKKSA, Dr. Iqbal Ahmed dan Pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr. Noraziah Ahmad.

MTE pada kali ini menampilkan hampir 500 produk penyelidikan dengan 65 penyertaan di kalangan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah dalam dan luar negara termasuk Korea Selatan, Poland, Taiwan, Singapura dan Sepanyol. UMP turut diumum menang dalam Kategori Booth Terbaik (*bairespace*).